



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (18 JANUARI 2021)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini, Sarawak merekodkan dua (2) kes kematian akibat COVID-19 iaitu di Miri (1) dan Sibu (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan ke kematian akibat COVID-19 di Sarawak meningkat kepada 21 kes.

Manakala terdapat **100 kes** positif COVID-19 yang dikesan di Sarawak [Sibu (37), Beluru (27), Betong (7), Miri (7), Kuching (6), Bintulu (4), Selangau (4), Sri Aman (3), Lubok Antu (3), Sarikei (1) dan Kanowit (1)]. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 2,211 kes.**

A. Kes Kematian Baharu COVID-19.

I. Kes Kematian Ke-20

Kes kematian ke-20 adalah kes Ke-2,065 yang melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 42 tahun yang dimasukkan ke Hospital Miri pada 13 Januari 2021 kerana tidak sedarkan diri dan kes disahkan meninggal dunia pada 14 Januari 2021. Saringan swab kes ini yang diambil pada 14 Januari telah didapati positif COVID-19 pada 16 Januari 2021.

Kes juga mempunyai co-morbid penyakit lain seperti kencing manis, darah tinggi dan mengalami jangkitan Hepatitis C.

II. Kes Kematian Ke-21

Kes kematian ke-21 ini merupakan kes ke-2,005 adalah seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 55 tahun yang telah disahkan positif COVID-19 pada 15 Januari 2021 dan kes telah dimasukkan ke Hospital Sibu pada hari yang sama. Kes ini yang berasal dari Daerah Kanowit, merupakan kontak kepada kes di dalam Kluster Pasai yang telah disaring pada 12 Januari 2021. Kes juga mempunyai penyakit darah tinggi, kencing manis dan jangkitan buah pinggang. Kes ini disahkan telah meninggal dunia pada jam 1:41 pagi hari ini.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan ucapan takziah kepada keluarga dan saudara-mara kedua-dua kes ini.

B. Kes Baharu COVID-19

I. Daerah Sibu (37 kes)

- a) **28 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.
- b) **8 kes** lain-lain saringan COVID-19 melibatkan individu yang menjalani saringan ke pusat kesihatan di Daerah Sibu.
- c) **1 kes** saringan individu balik dari kawasan berisiko jangkitan COVID-19 melibatkan warga tempatan (Sarawak). Kes Import B: Negeri Sembilan.

II. Daerah Beluru (27 Kes)

- a) **27 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.

III. Daerah Miri (7 Kes)

- a) **4 kes** individu yang disaring kerana mempunyai kontak kepada kes positif COVID-19. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.
- b) **1 kes** yang melibatkan Kluster Jelita.
- c) **1 kes** yang melibatkan Kluster Pasai. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan Import C dari Betong.
- d) **1 kes** saringan individu yang hendak melakukan sign on ke kapal. Kes ini juga dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

IV. Daerah Betong (7 Kes)

- a) **6 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.
- b) **1 kes** saringan individu balik dari kawasan berisiko jangkitan COVID-19 melibatkan warga tempatan (Sarawak). Kes Import B: Johor.

V. Daerah Kuching (6 Kes)

- a) **2 kes** yang melibatkan Kluster Stutong.
- b) **1 kes** yang disaring kerana mempunyai tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

- c) **3 kes** saringan individu balik dari kawasan berisiko jangkitan COVID-19 melibatkan warga tempatan (Sarawak). Kes Import B: dua (2) orang dari Kedah dan seorang dari Selangor.

VI. Daerah Bintulu (4 Kes)

- a) **4 kes** individu yang telah disaring kerana mempunyai kontak rapat kepada kes positif COVID-19. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

VII. Daerah Selangau (4 Kes)

- a) **4 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.

VIII. Daerah Sri Aman (3 Kes)

- a) **3 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kontak secara aktif melibatkan kontak-kontak kepada kes positif COVID-19. Semua kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

IX. Daerah Lubok Antu (3 Kes)

- a) **2 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kontak secara aktif melibatkan kontak-kontak kepada kes positif COVID-19. Semua kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.
- b) **1 kes** merupakan individu yang disaring kerana mempunyai tanda-tanda dan gejala jangkitan awal COVID-19. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

X. Daerah Sarikei (1 Kes)

- a) **1 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.

XI. Daerah Kanowit (1 Kes)

- a) **1 kes** yang melibatkan Kluster Pasai. Kes dikategorikan sebagai kes Import C dari Sibu.

C. Kluster Yang Masih Aktif.

Hari ini tujuh (7) kluster COVID-19 yang masih aktif di Sarawak iaitu:

I. Kluster Bukit Sekubong, Sebauh : tiada penambahan kes hari Jumlah keseluruhan kes kekal 24 kes. Sejumlah 260 individu telah disaring, dimana 213 negatif dan 23 masih menunggu keputusan makmal.

II. Kluster Jelita, Miri : terdapat penambahan satu (1) kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kes meningkat kepada 28 kes. Sejumlah 130 individu telah disaring, dimana 102 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

III. Kluster Pasai, Sibu : terdapat penambahan 65 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 664 kes. Sejumlah 1,900 individu telah disaring, dimana 1,136 negatif dan 100 masih menunggu keputusan makmal.

IV. Kluster Keranji Tabuan, Kuching : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kekal 14 kes. Sejumlah 180 individu telah disaring, dimana 166 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

V. Kluster Bah Sayap, Miri : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal 90 kes. Sejumlah 700 individu telah disaring, dimana 610 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

VI. Kluster Stutong, Kuching : terdapat penambahan dua (2) kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kes meningkat kepada 40 kes. Sejumlah 550 individu telah disaring dimana 510 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

VII. Kluster Mador, Meradong : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal lapan (8) kes. Sejumlah 1,238 individu telah disaring, dimana 1,230 negatif.

D. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital

Terdapat **enam (6)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari iini dari Hospital Umum Sarawak (5) dan Hospital Sibu (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih atau dibenarkan discaj meningkat kepada **1,180** orang atau **53.37%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai 1,010 orang iaitu:

- 603 kes di Hospital Sibu;
- 239 kes di Hospital Miri;
- 117 kes di Hospital Umum Sarawak;
- 49 kes di Hospital Bintulu;
- 1 di Hospital Limbang; dan
- 1 kes di Hospital Kapit.

Hari ini dua (2) kes kematian yang melibatkan kes positif COVID-19 dilaporkan di Sarawak. Ini menjadikan jumlah kes kematian pada hari ini telah meningkat kepada **21 orang atau 0.95%**.

Hari ini, **133 PUI** baru telah dilaporkan dan **30 PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, **Daerah Beluru telah bertukar status dari status Kuning kepada status Merah** setelah sejumlah 42 kes dikesan melibatkan kes jangkitan tempatan di daerah ini dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Betong pula telah bertukar status dari Hijau kepada status Kuning setelah sejumlah tujuh (7) kes baharu dikesan melibatkan kes jangkitan tempatan dikesan di daerah ini dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Kuching, Sibu dan Miri kekal berstatus Merah dengan sejumlah **756** kes jangkitan tempatan dilaporkan di tiga (3) daerah ini dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Sebauh juga kekal berstatus Jingga dengan **24** kes jangkitan tempatan.

Daerah Meradong, Julau, Kapit, Simunjan, Asajaya Beluru, Dalat, Selangau, Sebauh, Samarahan, Sri Aman, Bukit Mabong, Bintulu, Limbang dan Kanowit kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **60** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Manakala 19 daerah yang lain kekal berstatus Hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN/TANGKAPAN

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **10 kompaun** di daerah Samarahan (4), Padawan (3) dan Miri (3) kerana telah melanggar SOP.

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **142 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu DBKU (42), MPP (33), MD Marudi (23), SMC (20), MDDM (11), MBKS (8) dan MD Serian (5).

3. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Sejak 25 November hingga 07 Januari (43 hari) Sarawak telah berjaya mengekalkan daerah hijau dengan hanya beberapa sahaja daerah berstatus Kuning. Pada satu ketika, Sarawak pernah dijadikan sebagai negeri contoh dalam membendung penyebaran wabak COVID-19, tetapi hanya dalam masa sepuluh hari iaitu bermula 08 Januari hingga hari ini peningkatan jumlah kes di Sarawak semakin meningkat.

Dengan peningkatan kes positif yang tertinggi direkodkan dalam sehari iaitu 180 kes pada 14 Januari 2021.

Disebabkan peningkatan jumlah kes tersebut empat daerah telah bertukar menjadi merah, satu daerah menjadi jingga, 16 daerah menjadi kuning dan hanya 19 daerah kekal hijau.

Oleh itu Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Bahagian Sibu dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di bahagian-bahagian lain untuk mengekang penularan COVID-19 di Sarawak terutamanya di kawasan pedalaman.

Orang ramai adalah dinasihatkan supaya akur kepada SOP PKP dan PKPB yang telah dikeluarkan dan terus kekal berwaspada serta menjaga kebersihan diri yang tinggi. Jangan lupa pakai pelitup muka dengan betul dan menjaga jarak masing-masing.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
18 JANUARI 2021
5.00 PETANG**

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

| | | | | |
|---------------------------|---------|------------------------------------|-----------------------------------|--------|
| Cumm. Positive Cases | 2111 | Total Cases still in ward | 1010 | 45.68% |
| New Cases | 100 | Cases in Intensive Care Unit (ICU) | 0 | 0.00% |
| Total Samples by Individu | 250,899 | Intubated Cases | 3 | 0.14% |
| Cumm. Positive Cases | 2211 | Total Death Cases | 21 | 0.95% |
| IR per 100,000 population | 71.67 | Recovered and discharged cases | 1,180 | 53.37% |
| Lab. Results (PUI) | New | Cumulative | | |
| Negative | 39 | 10,580 | Patient Under Investigation (PUI) | |
| Pending Result | 15 | 30 | 133 | 12,821 |

| Current Status | SGH Kuching | Hospital Sibu | Hospital Bintulu | Hospital Miri | Hospital Limbang | Hospital Kapit | Hospital Sungai Buloh | TOTAL |
|---|-------------|---------------|------------------|---------------|------------------|----------------|-----------------------|-------|
| Patients still in ward | 117 | 603 | 49 | 239 | 1 | 1 | 0 | 1010 |
| Kes di Intensive Care Unit (ICU) | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Intubated cases | 0 | 2 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 3 |
| Total Death Cases | 17 | 1 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 21 |
| Recovered and discharged cases | New | 5 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 |
| | Cumulative | 933 | 77 | 63 | 97 | 1 | 1 | 1175 |
| Total re-admission cases (Re-tested Positive) | | 9 | 9 | 3 | 1 | 0 | 0 | 22 |

| DAERAH MERAH (4) | | | | | | | | | | | | |
|------------------|---------|-----------------------------|-------|--------------|------|------------|------|----------|------|---|---|--|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Beluru | 27 | 30 | 27 | 47 | 0 | 0 | 0 | 0 | 47 | 47 | 42 |
| 2 | Miri | 7 | 1083 | 7 | 267 | 0 | 74 | 1 | 2 | 191 | 198 | 149 |
| 3 | Sibu | 41 | 679 | 37 | 593 | 0 | 51 | 0 | 0 | 542 | 564 | 551 |
| 4 | Kuching | 38 | 8,170 | 6 | 849 | 5 | 752 | 0 | 12 | 85 | 105 | 56 |
| Jumlah | | 113 | 9,962 | 77 | 1756 | 5 | 877 | 1 | 14 | 865 | 914 | 798 |

| DAERAH JINGGA (1) | | | | | | | | | | | | |
|-------------------|--------|-----------------------------|------|--------------|------|------------|------|----------|------|---|---|--|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Sebauh | 0 | 27 | 0 | 24 | 0 | 0 | 0 | 0 | 24 | 24 | 24 |
| Jumlah | | 0 | 27 | 0 | 24 | 0 | 0 | 0 | 0 | 24 | 24 | 24 |

| DAERAH KUNING (16) | | | | | | | | | | | | |
|--------------------|--------------|-----------------------------|-------|--------------|------|------------|------|----------|------|---|---|--|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Betong | 7 | 201 | 7 | 26 | 0 | 17 | 0 | 0 | 9 | 9 | 7 |
| 2 | Meradong | 0 | 40 | 0 | 5 | 0 | 4 | 0 | 0 | 1 | 1 | 1 |
| 3 | Julau | 0 | 6 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | 5 | 5 | 2 |
| 4 | Kapit | 0 | 39 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 2 | 1 |
| 5 | Simunjan | 0 | 70 | 0 | 11 | 0 | 8 | 0 | 0 | 3 | 3 | 1 |
| 6 | Asajaya | 0 | 48 | 0 | 9 | 0 | 7 | 0 | 0 | 2 | 2 | 2 |
| 7 | Kanowit | 1 | 20 | 1 | 20 | 0 | 0 | 1 | 1 | 19 | 20 | 7 |
| 8 | Lubok Antu | 3 | 35 | 3 | 9 | 0 | 4 | 0 | 0 | 5 | 5 | 5 |
| 9 | Sarikei | 1 | 95 | 1 | 9 | 0 | 6 | 0 | 0 | 3 | 3 | 3 |
| 10 | Limbang | 0 | 38 | 0 | 15 | 0 | 12 | 0 | 1 | 2 | 2 | 1 |
| 11 | Dalat | 0 | 54 | 0 | 23 | 0 | 0 | 0 | 0 | 23 | 23 | 17 |
| 12 | Selangau | 0 | 2 | 4 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 8 | 8 | 7 |
| 13 | Samarahan | 1 | 629 | 0 | 121 | 0 | 113 | 0 | 4 | 4 | 5 | 2 |
| 14 | Sri Aman | 3 | 65 | 3 | 14 | 0 | 4 | 0 | 1 | 9 | 9 | 6 |
| 15 | Bukit Mabong | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 1 |
| 16 | Bintulu | 4 | 370 | 4 | 85 | 1 | 64 | 0 | 0 | 21 | 22 | 4 |
| Jumlah | | 20 | 1,713 | 23 | 363 | 1 | 239 | 1 | 7 | 117 | 120 | 67 |

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

| DAERAH HIJAU (19) | | | | | | | | | | | | |
|-------------------|---------------|-----------------------------|--------------|--------------|-----------|------------|-----------|----------|----------|---|---|--|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Lawas | 0 | 30 | 0 | 12 | 0 | 12 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2 | Serian | 0 | 441 | 0 | 25 | 0 | 24 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 3 | Lundu | 0 | 264 | 0 | 8 | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4 | Bau | 0 | 194 | 0 | 7 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 5 | Tanjung Manis | 0 | 23 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | Tebedu | 0 | 9 | 0 | 8 | 0 | 7 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 7 | Mukah | 0 | 64 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | Matu | 0 | 7 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | Saratok | 0 | 29 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 10 | Pusa | 0 | 10 | 0 | 2 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 |
| 11 | Kabong | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 12 | Pakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 13 | Tatau | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 14 | Daro | 0 | 9 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 15 | Belaga | 0 | 9 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 16 | Song | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 17 | Marudi | 0 | 13 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 18 | Subis | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 19 | Telang Usan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | | 0 | 1,119 | 0 | 68 | 0 | 64 | 0 | 0 | 4 | 6 | 0 |

| | | | | | | | | | | | |
|--------------|-----|--------|-----|-------|---|-------|---|----|-------|-------|-----|
| Jumlah Besar | 133 | 12,821 | 100 | 2,211 | 6 | 1,180 | 2 | 21 | 1,010 | 1,064 | 889 |
|--------------|-----|--------|-----|-------|---|-------|---|----|-------|-------|-----|

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **261** Person Under Surveillance (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **63 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **6,140 orang**. Manakala seramai **52,882 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 18.01.2021 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | HOTEL | BILANGAN PUS |
|-----|-----------------|-------------------------|--------------|
| 1 | Kuching (3,010) | Hock Lee | 78 |
| 2 | | Grand Dorman | 81 |
| 3 | | Kuching Park | 127 |
| 4 | | Pullman | 464 |
| 5 | | Hilton | 406 |
| 6 | | Harbour View | 280 |
| 7 | | Riverside (Astana Wing) | 219 |
| 8 | | Grand Margherita | 334 |
| 9 | | Imperial Boulevard | 286 |
| 10 | | Tune Hotel | 84 |
| 11 | | Dormani Hotel | 45 |
| 12 | | Grand Continental | 202 |
| 13 | | Meritin | 58 |
| 14 | | Longhouse | 84 |
| 15 | | Abell | 59 |
| 16 | | Lot 10 | 56 |
| 17 | | Telang Usan | 54 |
| 18 | | Imperial Riverbank | 93 |
| 19 | Miri (1,365) | Mega Hotel | 149 |
| 20 | | Somerset | 33 |
| 21 | | Imperial Palace | 260 |
| 22 | | Eastwood Valley | 54 |
| 23 | | Imperial New Wing | 203 |
| 24 | | Paragon | 130 |
| 25 | | Meritz | 249 |
| 26 | | Miri | 39 |
| 27 | | Dynasty | 131 |
| 28 | | Kenyalang Suite | 29 |
| 29 | | Citi Hotel | 67 |

| | | | |
|-------------------|------------------------|-------------------------|--------------|
| 30 | | Nova | 21 |
| 31 | Bintulu (809) | Wasan Inn | 37 |
| 32 | | Fairfield by Marriot | 95 |
| 33 | | Kidurong Inn | 34 |
| 34 | | Motel Kapok | 73 |
| 35 | | Faber Inn | 21 |
| 36 | | AA Inn | 31 |
| 37 | | Ambassador | 72 |
| 38 | | Kemenia Inn | 22 |
| 39 | | Green | 86 |
| 40 | | Kemenia Plaza | 44 |
| 41 | | 40ty Inn | 27 |
| 42 | | Lengkap Inn | 55 |
| 43 | | Studio Inn | 30 |
| 44 | | Sunstar Inn | 15 |
| 45 | | Parkcity Garden | 16 |
| 46 | | Mega Inn | 13 |
| 47 | | Kriss Lodge | 39 |
| 48 | | Central Inn | 32 |
| 49 | | Welcome Inn | 19 |
| 50 | | New World Motel | 48 |
| 51 | Limbang (266) | Purnama | 88 |
| 52 | | Seri Malaysia (Lawas) | 117 |
| 53 | | Mandarin (Lawas) | 37 |
| 54 | | Stadium Tertutup | 24 |
| 55 | Sibu (302) | Premier | 195 |
| 56 | | Diocesan Pastoral | 0 |
| 57 | | Kawan | 107 |
| 58 | Samarahan (245) | INFRA | 80 |
| 59 | | Kolej Rafflesia, UNIMAS | 93 |
| 60 | | UiTM | 72 |
| 61 | Sarikei (81) | Garden Hotel | 81 |
| 62 | Betong (62) | Mega Inn | 15 |
| 63 | | Medan Inn | 21 |
| 64 | | Victoria Inn | 26 |
| Jumlah PUS | | | 6,140 |

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **8 lokasi di Sibu (2), Kapit (2), Kuching (1), Sarikei (1), Mukah (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,257 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 18.01.2021 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | OPERASI SEMASA | OPERASI TERKUMPUL |
|---------------------------|-----------------|-----------------------|--------------------------|
| 1 | Kuching | 1 | 736 |
| 2 | Miri | 1 | 483 |
| 3 | Sibu | 2 | 222 |
| 4 | Samarahan | TIADA | 140 |
| 5 | Sarikei | 1 | 140 |
| 6 | Bintulu | TIADA | 123 |
| 7 | Limbang | TIADA | 100 |
| 8 | Serian | TIADA | 73 |
| 9 | Kapit | 2 | 66 |
| 10 | Betong | TIADA | 61 |
| 11 | Mukah | 1 | 57 |
| 12 | Sri Aman | TIADA | 56 |
| Jumlah Keseluruhan | | | 2,257 |

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **36 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 18.01.2021 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | LOKASI |
|---------------|-----------------|---------------|
| 1 | MPP | 9 |
| 2 | MD Serian | 3 |
| 3 | SMC | 6 |
| 4 | MD Kanowit | 2 |
| 5 | MCC | 13 |
| 6 | MD Marudi | 3 |
| Jumlah | | 36 |

5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF YANG DILAPORKAN

BAHAGIAN KUCHING

| Name of Exposed Location | Category | Date of Exposure | Time Period Affected |
|---|-----------------------------|-----------------------|----------------------|
| Avocbar, Saradise | Workplace | Everyday till 13/1/21 | |
| The Best Corner 1 Cafe, Batu 4 | Café - Customer | 03.01.2021 | 10.30 am - 11.00 am |
| The Container Cafe, Jln Simpang Tiga | Café - Customer | 04.01.2021 | 6.00 pm - 6.45 pm |
| Megabite Cafe, Batu Kawa | Café - Customer | 05.01.2021 | 12.00 pm - 1.30 pm |
| Great Viva Food Court, Vivacity | Restaurant - Customer | 09.01.2021 | 7.00 pm - 9.00 pm |
| Aeon Mall - Lea Centre, Watson, The Rock Shop, Brands Outlet, Verns, Magic Waffle | Social Acitivity - Customer | 09.01.2021 | 1.00 pm - 4.00 pm |
| Vivacity Mall - Padini, Lina Boutique, Summer Boutique, Parkson, Watson | Social Acitivity - Customer | 09.01.2021 | 7.00 pm - 8.00 pm |
| Chop Tien Chan, Carpenter Street | Social Acitivity - Customer | 10.01.2021 | 10.19 am - 10.40 am |
| Plaza Merdeka- Parkson, Brightstar, Blue Cube, Watson | Social Acitivity - Customer | 10.01.2021 | 10.43 am - 1.50 pm |
| The Food Court Opposite Hiang Tiang Siang Ti, Carpenter Street | Kopitiam - Customer | 10.01.2021 | 9.54 am - 10.25 am |
| | Kopitiam - Customer | 17.01.2021 | 11.00 am - 11.30 am |
| Best Corner 4 Cafe, Hua Joo Park | Kopitiam - Customer | 11.01.2021 | 8.00 am - 8.30 am |
| Go Fun Kee, Jln Rock | Restaurant - Customer | 12.01.2021 | 12.00 pm - 12.45 pm |
| Q Nasi Kukus, Matang Metro City | Eateries - Customer | 31.12.2020 | 3.10 pm - 4.00 pm |
| Pc Image, Vivacity Megaamall | Computer Shop - Customer | 03.01.2021 | 5.50 pm - 6.30 pm |
| The Rock Shop Aeon Mall (Vivacity & Aeon Mall) | Fashion - Customer | 03 & 07.01.2021 | 5.05 pm - 5.30 pm |
| Nandos Chickenland, Aeon Mall | Eateries - Customer | 07.01.2021 | 8.00 pm - 9.00 pm |

BAHAGIAN SRI AMAN

| Name of Exposed Location | Category | Date of Exposure | Time Period Affected |
|---------------------------------|--------------------------|------------------|----------------------|
| Jabatan Bekalan Air Sri Aman | Workplace | until 13.01.2021 | |
| Doremart Sri Aman | Social Activity-Customer | 05.01.2021 | 8.00 pm - 8.30 pm |
| Golden City Cafe and Restaurant | Social Activity-Customer | 06.01.2021 | 7.00 pm - 9.00 pm |
| JPN Engkilili | Social Activity-Customer | 07.01.2021 | 11.00 am - 11.30 am |
| Long Heng Goldsmith | Social Activity-Customer | 07.01.2021 | 3.26 pm - 4.00 pm |
| East Court Cafe Sdn Bhd | Social Activity-Customer | 08.01.2021 | 12.30 pm - 1.00 pm |
| MyWedding Studio | Social Activity-Customer | 08.01.2021 | 12.57 pm - 1.30 pm |
| Watsons Plaza Simanggang | Social Activity-Customer | 11.01.2021 | 5.08 pm - 5.23 pm |

BAHAGIAN SIBU

| Name of Exposed Location | Category | Date of Exposure | Time Period Affected |
|-------------------------------|------------------------|------------------|----------------------|
| Soru Restaurant | Restaurant - Customer | 06.01.2021 | 1.25 Pm - 2.20 Pm |
| Beer Bistro | Bistro - Customer | 07.01.2021 | 4.54 Pm - 5.30 Pm |
| Sibu Central Market | Market - Customer | 07.01.2021 | 10.23 Am - 11.00 Am |
| Delta Mall | Mall - Customer | 08.01.2021 | 12.41 Pm - 1.45 Pm |
| Sibu Noodle House Sdn Bhd | Café - Customer | 08.01.2021 | 10.07 Am - 11.00 Am |
| Well Done Food Sdn Bhd | Kopitiam - Customer | 08.01.2021 | 8.46 Am - 9.30 Am |
| Kim Hock Supermarket Sibujaya | Supermarket - Customer | 10.01.2021 | 7.03 Pm - 7.40 Pm |
| New Aho Mee Sapi Nasi Ayam | Kopitiam - Customer | 11.01.2021 | 11.41 Am - 12.30 Pm |

| | | | |
|---------------------|------------------------|------------|-------------------|
| Farley Sibu Sdn Bhd | Supermarket - Customer | 12.01.2021 | 1.35 Pm - 2.00 Pm |
|---------------------|------------------------|------------|-------------------|

BAHAGIAN BINTULU

| Name of Exposed Location | Category | Date of Exposure | Time Period Affected |
|----------------------------------|----------------------------------|------------------|----------------------|
| Klang Bak Ku Tea (Medan Sentral) | Kedai Makan - Customer | 07.01.2021 | 6.20 Pm - 7.20 Pm |
| Sharetea (Medan) | Kedai Minum - Customer | 07.01.2021 | 7.15 Pm - 7.45 Pm |
| Revo 4x4 Sdn Bhd | Kedai Aksesori Kereta - Customer | 11.01.2021 | 11.13 Am - 11.30 Am |
| Yung Ho Machinery Sdn Bhd | Kedai Aksesori Kereta - Customer | 12.01.2021 | 10.37 Am - 10.50 Am |
| Kopitiam Seafood | Kedai Makan - Customer | 12.01.2021 | 6.12 Pm - 6.30 Pm |
| Cni Enterprise M Sdn Bhd | Vitamin& Supplement - Customer | 12.01.2021 | 9.40 Am - 9.50 Am |
| Laksa House Shoplot Parkcity | Kedai Makan - Customer | 12.01.2021 | 10.14 Am - 10.30 Am |

BAHAGIAN MIRI

| Name of Exposed Location | Category | Date of Exposure | Time Period Affected |
|---|------------------------|------------------------|----------------------|
| Rumah Emah, Sg Liam, Beluru | Longhouse - Home | 31/12/2020 - 11/1/2021 | |
| Food Pavilion, Taman Tunku | EATRIES - Customer | 06.01.2021 | 5.05 pm - 6.00 pm |
| Singapore Cakehouse, Riam | BAKERY - Customer | 11.01.2021 | 9.20 am - 9.45 am |
| Top Passion Saloon, Taman Tunku | SALOON - Customer | 11.01.2021 | 1.00 pm - 4.30 pm |
| Mami Sambal Restaurant, Jalan Marina | EATRIES - Customer | 12.01.2021 | 3.30 pm - 4.20 pm |
| Royal City Thai Spa, Jalan Bintang Jaya 1 | Reflexology - Customer | 15.01.2021 | 1.00 pm - 3.00 pm |